

18 SEP 1998

Razaleigh-Anwar

ISU PEMECATAN ANWAR TIDAK PERLU DIPANJANGKAN, KATA RAZALEIGH

PASIR MAS, 18 Sept (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah berkata isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno dan kabinet tidak perlu dipanjangkan kerana ia merupakan tindakan biasa dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi

Anggota Parlimen Gua Musang itu berkata tindakan memecat seseorang menteri bukanlah perkara baru di negara ini dan setiap keputusan yang diambil itu telah difikir dengan sedalam-dalamnya oleh pucuk pimpinan negara.

"Bagi saya itu (pemecatan Anwar) perkara kecil, perkara biasa yang dilakukan di negara demokrasi dan amalan berpersatuan," katanya kepada pemberita selepas majlis Malam Pidato Perdana anjuran Umno bahagian Pasir Mas di sini, malam tadi.

Anwar dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept dan dipecat daripada menganggotai Umno sehari kemudian berhubung pelbagai dakwaan termasuk salahlaku seks dan membocorkan rahsia negara.

Tengku Razaleigh berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentulah sudah berfikir panjang-lebar sebelum mengambil tindakan tegas terhadap bekas timbalanya itu, yang berada dalam kerajaannya selama 16 tahun.

"Tidak ada siapa yang boleh pertikaikan keputusan Perdana Menteri itu dan tindakannya itu ialah untuk menjaga imej Umno supaya tidak menjadi cacat," kata beliau.

Beliau berkata, Umno ialah sebuah parti yang memperjuangkan hak rakyat, bukannya parti yang melindungi kepentingan segelintir pemimpinnya dan ini telah terbukti apabila berlaku pemimpin bertukar ganti.

"Soal Anwar tak penting, yang penting ialah kesejahteraan rakyat. Saya rasa Perdana Menteri telah menunaikan tanggungjawabnya dalam kes ini, oleh itu tidak perlu kita persoalkan pemecatan Anwar," kata Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah dibubarkan.

Beliau berkata, sepatutnya pada masa ini rakyat memberi sokongan padu kepada kerajaan untuk menaikkan taraf hidup mereka, bukannya berarak ke sana sini untuk melahirkan rasa tidak puas hati berhubung tindakan terhadap Anwar.

Tengku Razaleigh juga berharap supaya Anwar pandai menjaga dirinya agar tidak dipermainkan oleh parti-parti pembangkang yang cuba mengambil kesempatan daripada apa yang berlaku itu.

"Saya harap dia tidak dipermainkan oleh parti-parti pembangkang, nanti bila tiba pilihan raya dia keseorangan," katanya.

Sementara itu anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Ibrahim Ali berkata Anwar tidak seharusnya terlalu mendengar cakap orang yang boleh merosakan dirinya dalam usaha menangani masalahnya.

Beliau berkata, yang penting bagi Anwar sekarang ialah bersabar dan cuba mencari jalan penyelesaian yang sebaik-baiknya termasuk melalui saluran undang-undang.

"Beliau kena jaga dirinya sendiri," kata Ibrahim yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Mas.

"Anwar perlu memberi kepercayaan kepada polis dan mahkamah untuk menentukan keadilan ke atas dirinya."

-- BERNAMA

ZI NMO